


GAYA BAHASA DALAM STRATEGI RETORIK PENCERITAAN NOVEL *SEJAMBAK BAKTI*

(Language Style in the Narrative Rhetorical Strategies of the Novel Sejambak Bakti)

Nurul Atiqah Amin¹
gs71918@student.upm.edu.my

Sharil Nizam Sha'ri² 
sharil@upm.edu.my

Zuraini Jusoh³ 
zurainijusoh@upm.edu.my

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia.^{1, 2 & 3}

Pengarang koresponden (Corresponding author):¹

Rujukan makalah ini (To cite this article): Nurul Atiqah Amin, Sharil Nizam Sha'ri, & Zuraini Jusoh. (2026). Gaya bahasa dalam strategi retorik penceritaan novel *Sejambak Bakti*. *Jurnal Bahasa*, 26(1), 117–154. [https://doi.org/10.37052/jb26\(1\)no5](https://doi.org/10.37052/jb26(1)no5)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(This article has undergone a double-blind peer review process)

Peroleh: Received:	4/4/2026	Semakan: Revised	16/6/2026	Terima: Accepted:	22/6/2026	Terbit dalam talian: Published online:	30/6/2026
-----------------------	----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	-----------

Abstrak

Retorik ditakrifkan sebagai seni mengolah bahasa bagi memastikan mesej dapat disampaikan secara berkesan dan berupaya mempengaruhi pemikiran dan emosi pembaca. Walaupun retorik merupakan elemen teras dalam keberkesanan komunikasi teks sastera, kajian terhadap strategi retorik secara sistematik dan gaya bahasa dalam retorik penceritaan masih terhad. Kajian sedia ada cenderung untuk mengasingkan kedua-dua aspek ini, sekali gus mewujudkan jurang pemahaman terhadap cara strategi retorik beroperasi secara bersepadu untuk memperkukuh penyampaian makna, emosi dan nilai. Pemilihan novel *Sejambak Bakti* sebagai teks Komponen Sastera (KOMSAS) memperlihatkan bahawa karya tersebut mempunyai nilai pendidikan,

moral dan estetika yang sesuai untuk pembentukan sahsiah pelajar. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis retorik moden berdasarkan teori retorik moden oleh Enos dan Brown (1993), serta menghuraikan gaya bahasa berdasarkan model gaya bahasa oleh Henry Guntur Tarigan (1985) bagi memperkukuh pemahaman terhadap strategi retorik penceritaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penulis mengaplikasikan pelbagai strategi retorik, iaitu pemerian, penghujahan, pendedahan, pemujukan dan penceritaan. Retorik penceritaan didapati merupakan jenis retorik paling dominan yang digunakan dalam novel tersebut. Penggunaan gaya bahasa pertautan, perbandingan, pertentangan dan perulangan turut memperkukuh penyampaian mesej serta meningkatkan apresiasi pembaca terhadap teks KOMSAS. Secara keseluruhan, kajian ini menyerlahkan potensi novel *Sejambak Bakti* sebagai medium pendidikan yang berkesan dalam penyampaian nilai dan pembinaan sahsiah diri pelajar.

Kata kunci: Novel, retorik, linguistik, gaya bahasa, teori retorik moden, Komponen Sastera

Abstract

*Rhetoric is defined as the art of using language effectively to ensure that messages are communicate successfully and are capable of influencing reader's thoughts and emotions. Although rhetoric is a fundamental element in the effectiveness of communication within literary texts, studies that systematically examine rhetorical strategies and language style in narrative rhetoric remain limited. Existing studies tend to treat these two aspects separately, thereby creating a gap in understanding how rhetorical strategies operate in an integrated manner to strengthen the conveyance of meaning, emotion, and values. The objective of this study is to identify the types of modern rhetorical theory proposed by Enos and Brown (1993) and to describe language style based on Henry Guntur Tarigan's Language Style Model (1985) in order to strengthen understanding of narrative rhetorical strategies. The findings indicate that the author employs various rhetorical strategies, namely description, argumentation, exposition, persuasion, and narration. Narrative rhetoric was found to be the most dominant rhetorical strategy used in the novel. The use of language styles involving association, comparison, contrast, and repetition further strengthen the delivery of messages and enhances readers' appreciation of the KOMSAS text. Overall, this study highlights the potential of *Sejambak Bakti* as an effective educational medium for the transmission of values and the development of students' character.*

Keywords: Novel, rhetoric, linguistics, language style, modern rhetoric theory, Malay Literature Component

PENDAHULUAN

Retorik merupakan elemen penting dalam penulisan kreatif kerana berperanan untuk memperindah bahasa, memperkukuh mesej dan mempengaruhi emosi pembaca. Dalam konteks pendidikan, khususnya teks KOMSAS, penggunaan retorik yang tepat menjadikan karya lebih menarik, mudah difahami dan berkesan dalam penyampaian nilai dan pengajaran (Mahmudul Hasan, 2024). Tambahan lagi, menurut Colleen (2018), penggunaan retorik dalam karya sastera berfungsi sebagai alat pedagogi yang dapat membantu pembaca untuk menilai, menghubungkan dan menghayati mesej yang disampaikan melalui jalan cerita dengan lebih berkesan. Menurut Enos dan Brown (1993), pemilihan strategi retorik dalam penceritaan tidak berlaku secara kebetulan, sebaliknya dirancang untuk mencapai tujuan komunikasi berkesan terhadap pembaca sasaran. Sehubungan dengan itu, penggunaan kepelbagaian gaya bahasa amat penting kerana gaya bahasa berfungsi bagi memperkukuh peranan retorik dalam pembinaan makna dan nilai dalam teks. Analisis terhadap penggunaan gaya bahasa dalam strategi retorik penceritaan memberikan gambaran yang jelas tentang cara bahasa dimanipulasikan untuk mencapai keberkesanan komunikasi dan kesan estetik terhadap pembaca.

Penggunaan gaya bahasa yang berkesan mampu memperindah penggunaan bahasa dalam karya, sekali gus menghasilkan penulisan yang bermutu tinggi (Simpson, 2004). Dalam konteks teks KOMSAS, penggunaan gaya bahasa dalam strategi retorik penceritaan bukan sahaja berfungsi untuk memperindah bahasa, malah membantu memperkukuh penyampaian mesej, membina emosi dan meningkatkan penghayatan pembaca terhadap tema, nilai dan pengajaran yang terkandung dalam karya. Oleh itu, penelitian terhadap gaya bahasa dalam retorik penceritaan penting bagi memahami peranan bahasa sebagai medium yang mempengaruhi keberkesanan sesebuah karya sastera. Dengan erti kata lain, tanpa gaya bahasa yang sesuai dan bervariasi, strategi retorik tidak dapat berfungsi secara optimum (Saputra, 2024). Henry Guntur Tarigan (1985) membahagikan gaya bahasa kepada empat kategori utama, iaitu perbandingan, pertentangan, pertautan dan perulangan.

Walaupun teks KOMSAS digunakan secara meluas dalam pengajaran Bahasa Melayu, kajian yang berkaitan dengan gaya bahasa dalam strategi retorik penceritaan masih kurang diberikan perhatian sebagai bahan analisis. Kekurangan pemahaman terhadap variasi gaya retorik dapat menyebabkan mesej dalam teks tidak disampaikan secara berkesan kepada pelajar (Nor Hani Suhaimi & Mohamad Nik Mat Pelet, 2024; Nuur

Hikma Natasha Lamsah et al., 2023). Menurut Zamri Mahamod (2014), penggunaan gaya bahasa yang klise menyebabkan sesuatu teks berpotensi untuk tidak mencapai matlamat. Tambahan pula, tanpa kepelbagaian gaya bahasa, karya menjadi kurang menarik untuk memupuk pemikiran kritis dan sahsiah diri pelajar. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mencapai dua objektif utama, iaitu mengenal pasti penggunaan strategi retorik dalam novel *Sejambak Bakti* dan menghuraikan gaya bahasa dalam retorik penceritaan dalam teks tersebut.

KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian lepas yang menjadikan novel *Sejambak Bakti* sebagai bahan kajian, namun penelitian yang dilakukan lebih tertumpu pada aspek tertentu dan masih belum meneliti dimensi retorik secara menyeluruh. Antaranya, Siti Khariah Mohd Zubir dan Nur Denna Samsudin (2016) memfokuskan aspek watak dan perwatakan dalam novel tersebut dengan memberikan perhatian terhadap pembinaan karakter dan nilai murni yang disampaikan melalui perlakuan dan konflik watak. Kajian tersebut berjaya memperlihatkan cara penulis membentuk perkembangan watak bagi menyampaikan mesej pendidikan dan moral kepada pembaca. Walau bagaimanapun, penelitian tersebut lebih bersifat deskriptif terhadap fungsi watak dan tidak meneliti cara strategi retorik digunakan untuk memperkukuh kesan emosi, pengaruh dan keberkesanan penyampaian mesej dalam penceritaan.

Selain itu, Hasrina Baharum et al. (2018) pula meneliti aspek pendidikan kepelbagaian budaya dalam novel *Sejambak Bakti*. Kajian tersebut memfokuskan representasi budaya, hubungan sosial masyarakat dan nilai toleransi yang diketengahkan dalam teks. Penelitian ini membuktikan bahawa novel KOMSAS bukan sekadar medium hiburan, malah berfungsi sebagai wahana pendidikan sosial dan pembentukan sahsiah pelajar. Namun demikian, fokus kajian tersebut lebih menjurus kepada kandungan dan nilai budaya yang dipaparkan tanpa memberikan perhatian secara mendalam terhadap kaedah retorik yang digunakan oleh penulis bagi mempengaruhi pemikiran dan emosi pembaca untuk menerima nilai tersebut secara berkesan.

Seterusnya, Rusydiah Abd Salam et al. (2024) menggunakan novel *Sejambak Bakti* sebagai bahan kajian bagi menganalisis aspek sintaksis, khususnya jenis ayat berdasarkan teori ubah alfa. Kajian tersebut memfokuskan struktur ayat dan proses transformasi ayat dalam teks penceritaan. Penelitian ini penting bagi memperlihatkan keunikan

penggunaan bahasa dalam karya sastera dari sudut linguistik formal. Walau bagaimanapun, kajian tersebut lebih menekankan aspek struktur bahasa dan tidak menghubungkannya dengan fungsi retorik dan kesan estetik yang terhasil daripada penggunaan bahasa dalam teks.

Dengan berdasarkan sorotan kajian lepas, dapat diperhatikan bahawa kebanyakan kajian terhadap novel *Sejambak Bakti* lebih tertumpu pada aspek kandungan, nilai, watak, budaya dan struktur bahasa secara berasingan. Keadaan ini menunjukkan bahawa masih terdapat kelompangan kajian yang meneliti hubungan antara strategi retorik dengan penggunaan gaya bahasa secara bersepadu bagi memperkukuh retorik penceritaan. Hakikatnya, dalam karya sastera, keberkesanan penyampaian makna bukan sahaja bergantung pada isi cerita, malah turut dipengaruhi oleh cara bahasa dimanipulasikan untuk membentuk kesan emosi, pengaruh dan daya apresiasi pembaca terhadap teks (Henry Guntur Tarigan, 1985).

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengisi jurang penyelidikan tersebut dengan meneliti jenis retorik moden berdasarkan teori retorik moden oleh Enos dan Brown (1993) dan menghuraikan fungsi gaya bahasa berdasarkan model gaya bahasa oleh Henry Guntur Tarigan (1985) untuk memperkukuh strategi retorik penceritaan. Penelitian ini penting kerana gaya bahasa dan strategi retorik merupakan elemen yang saling melengkapi dalam penghasilan teks sastera yang berkesan (Enos & Brown, 1993). Hal ini selari dengan pandangan Nurul Fazlina Md. Rodi dan Mariyati Mohd Nor (2024) yang menyatakan bahawa strategi retorik yang berkesan merupakan elemen utama dalam penulisan kerana tanpa penggunaan retorik yang sesuai, sesebuah karya berisiko untuk menjadi hambar, kurang menarik dan gagal meninggalkan kesan yang mendalam terhadap pembaca. Selain itu, kajian ini juga berpotensi untuk memperkukuh penelitian retorik dalam teks KOMSAS dengan memberikan penekanan terhadap hubungan antara bentuk penyampaian bahasa dengan keberkesanan komunikasi sastera dalam pembentukan nilai dan sahsiah pelajar.

METODOLOGI

Metodologi ini dirangka untuk memastikan proses pengumpulan dan penganalisan data dilakukan secara sistematik selaras dengan objektif kajian.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan pendekatan deskriptif untuk mengenal pasti jenis retorik berdasarkan teori retorik

moden oleh Enos dan Brown (1993) dan menghuraikan penggunaan gaya bahasa dalam retorik penceritaan berdasarkan model gaya bahasa oleh Henry Guntur Tarigan (1985).

Teori retorik moden digunakan untuk mengenal pasti fungsi dan strategi retorik yang membentuk penyampaian wacana, seperti retorik penceritaan, retorik pemerian, retorik penghujahan, retorik pendedahan dan retorik pemujukan. Teori ini sesuai digunakan kerana memberikan penekanan terhadap cara bahasa diolah untuk mencapai tujuan komunikasi, serta mempengaruhi pemikiran dan emosi pembaca melalui pembinaan wacana yang tersusun dan berkesan.

Sementara itu, model gaya bahasa pula digunakan untuk menghuraikan unsur linguistik dan gaya bahasa yang memperkukuh keberkesanan retorik penceritaan dalam novel. Model ini dipilih kerana pengkategorian yang sistematik terhadap gaya bahasa, seperti gaya perbandingan, gaya pertentangan, gaya pertautan dan gaya perulangan, yang membolehkan penulis mengenal pasti fungsi bahasa secara lebih terperinci dalam pembinaan makna, emosi, konflik dan penghayatan pembaca.

Dalam kajian ini, gaya bahasa tidak dilihat sebagai unsur estetika semata-mata, tetapi berfungsi sebagai mekanisme linguistik yang menghidupkan retorik penceritaan melalui pembinaan watak, konflik, suasana dan emosi dalam naratif. Oleh itu, gabungan kedua-dua kerangka ini membolehkan analisis dilakukan secara lebih menyeluruh terhadap hubungan antara strategi retorik dengan penggunaan gaya bahasa dalam novel *Sejambak Bakti*.

Bahan Kajian

Novel *Sejambak Bakti* dipilih sebagai bahan kajian kerana novel ini merupakan teks KOMSAS yang digunakan dalam pengajaran Bahasa Melayu sekolah menengah. Pemilihan novel ini sebagai teks KOMSAS memperlihatkan bahawa karya tersebut mempunyai nilai pendidikan, moral dan estetika yang sesuai untuk pembentukan sahsiah pelajar. Oleh itu, novel *Sejambak Bakti* karya Rejab F.I ini relevan untuk dijadikan bahan kajian bagi meneliti strategi retorik dan gaya bahasa dalam penceritaan. Selain itu, novel ini mengandungi pelbagai unsur penceritaan, seperti konflik, dialog, monolog dalaman, unsur nasihat dan hubungan sosial, yang sesuai dianalisis berdasarkan teori retorik moden. Novel ini juga memperlihatkan penggunaan bahasa yang pelbagai dan menarik melalui

penggunaan unsur gaya bahasa yang dapat dianalisis menggunakan model gaya bahasa oleh Henry Guntur Tarigan (1985).


Penganalisan Data

Dalam proses menganalisis data, kajian ini bertujuan untuk memperoleh dapatan bagi menjawab dua objektif kajian, iaitu mengenal pasti penggunaan jenis retorik dalam novel *Sejambak Bakti* dan menghuraikan gaya bahasa dalam retorik penceritaan dalam teks tersebut. Menurut Braun dan Clarke (2006), penyelidik perlu membiasakan diri dengan data melalui proses pembacaan berulang sebelum analisis dilakukan. Seterusnya, segmentasi wacana dilakukan bagi membolehkan setiap bahagian teks dianalisis secara sistematik berdasarkan peranan dan fungsi penyampaiannya (Atutxa et al., 2019; Joty et al.; 2015; Zeldes et al., 2024). Bagi mencapai objektif pertama, iaitu mengenal pasti penggunaan jenis retorik dalam novel *Sejambak Bakti*, segmentasi wacana dilakukan terlebih dahulu sebelum jenis retorik dikenal pasti. Segmentasi wacana dilakukan berdasarkan empat kriteria utama. Pertama, ciri linguistik teks dianalisis melalui struktur ayat, pilihan leksikal dan gaya bahasa bagi mengenal pasti fungsi wacana yang berbeza (Kiose, 2021). Kedua, penanda wacana dianalisis untuk meneliti peralihan dan kesinambungan cerita yang memandu aliran pembacaan (Apostol et al., 2025; Choemue & Bram, 2021). Ketiga, perenggan dan perubahan sudut pandangan dianalisis bagi mengenal pasti peralihan wacana dari segi masa, tempat dan watak (Apostol et al., 2025; Kiose, 2021). Keempat, hubungan idea dalam teks dianalisis untuk meneliti pembentukan aliran cerita, termasuklah peralihan antara wacana (Wang Zhaohan, 2024). Setelah wacana ditentukan, penulis mengkategorikan setiap wacana berdasarkan lima jenis retorik dalam teori retorik moden berdasarkan ciri retorik yang dikenal pasti dalam teks. Seterusnya, kekerapan dan peratusan penggunaan setiap jenis retorik dipaparkan dalam bentuk jadual.

Selepas pengkategorian jenis retorik dilakukan, data daripada retorik penceritaan dianalisis gaya bahasanya menggunakan model gaya bahasa bagi mencapai objektif kedua kajian ini, iaitu menghuraikan gaya bahasa yang digunakan dalam retorik penceritaan dalam teks tersebut. Proses analisis dilakukan melalui penelitian setiap ayat bagi mengenal pasti ciri linguistik yang tergolong dalam empat kategori gaya bahasa. Ayat tersebut dikategorikan mengikut empat kategori gaya bahasa, iaitu gaya perbandingan, gaya pertentangan, gaya pertautan dan gaya perulangan.

Kerangka Teori Retorik Moden Enos dan Brown (1993)

Pemilihan teori retorik moden adalah signifikan dan berasas kerana kesesuaiannya bagi menganalisis strategi retorik secara sistematik dan berstruktur. Justifikasi pemilihannya sebagai kerangka kajian bukan hanya kerana menekankan struktur naratif, tetapi juga menyoroti peranan kepelbagaian gaya bahasa sebagai mekanisme utama dalam pembinaan makna. Teori retorik moden bersifat fleksibel dan sesuai digunakan dalam pelbagai medium komunikasi, termasuklah lisan dan bertulis (Haziq Aisha, 2023; Iqbal Hamdan & Md. Nor Abdullah, 2023; Julaina Nopiah & Nurfatihah Izzati Samarrudin, 2024). Pengaplikasian retorik moden ini mampu meningkatkan keberkesanan komunikasi melalui penyampaian mesej yang lebih berkesan dalam pelbagai konteks moden dan kontemporari, sekali gus meningkatkan keberkesanan penyampaian mesej dalam karya sastera semasa (Iqbal Hamdan & Md. Nor Abdullah, 2023; Julaina Nopiah & Nurfatihah Izzati Samarrudin, 2024). Sehubungan dengan itu, pemilihan teori ini sejajar dengan objektif kajian ini. Jenis retorik berdasarkan teori ini dipaparkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Jenis retorik berdasarkan teori retorik moden Enos dan Brown (1993).

Dengan berdasarkan teori ini, strategi retorik dapat diklasifikasikan kepada lima jenis, iaitu pemujukan, penghujahan, pemerian, pendedahan dan penceritaan, yang masing-masing berperanan dalam pembentukan fungsi komunikasi yang berbeza-beza dalam teks. Retorik pemujukan menekankan penggunaan bahasa yang bertujuan untuk mempengaruhi pemikiran dan mendapatkan persetujuan pembaca terhadap sesuatu isu. Pengenalpastian data dilakukan melalui ciri retorik pemujukan. Pertama, penggunaan kata yang mengandungi unsur pengaruh dan dorongan, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung dalam pembentukan keyakinan dan persetujuan pembaca terhadap mesej yang disampaikan (Manuela Pulimeno et al., 2020). Kedua, pemilihan diksi

yang mengandungi unsur psikologi berupaya untuk mempengaruhi emosi, pemikiran dan perasaan pembaca melalui penggunaan kata yang menyentuh emosi, membangkitkan harapan dan menimbulkan rasa simpati, kagum, takut atau prihatin serta penggunaan bahasa yang menarik dan berkesan untuk meningkatkan daya tarikan wacana (Barajas et al., 2022). Ketiga, penggunaan justifikasi rasional melalui fakta, alasan logik dan penjelasan yang munasabah untuk menyokong sesuatu pandangan, di samping justifikasi bersifat emosi yang berasaskan nilai, perasaan, empati dan pengalaman bagi menguatkan pengaruh terhadap pembaca (Badrol Hisham Abdul Malik et al., 2023; Rohaidah Kamaruddin et al., 2023). Keempat, penggunaan nada penyampaian yang bersifat ajakan, seruan, nasihat, galakan atau penegasan yang bertujuan untuk meyakinkan pembaca agar menerima mesej yang disampaikan (Raminah Sabran, 2002). Kehadiran ciri tersebut membolehkan sesuatu data dikategorikan sebagai retorik pemujukan

Retorik penghujahan pula melibatkan penyampaian idea yang disokong oleh hujah yang tersusun dan rasional bagi memperkukuh penerimaan pembaca terhadap pendirian tertentu. Pengenalpastian retorik penghujahan dilakukan berdasarkan ciri penghujahan yang menekankan penggunaan hujah secara rasional, logik dan sistematik dalam penyampaian sesuatu pandangan (Keraf, 1989). Menurut Toulmin (1958), retorik penghujahan melibatkan tiga elemen utama, iaitu dakwaan atau idea utama, alasan atau bukti sokongan, serta penerima yang perlu diyakinkan melalui penghujahan tersebut. Retorik penghujahan juga memperlihatkan penyampaian yang bersifat intelektual dan rasional tanpa melibatkan unsur emosi secara dominan (Keraf, 1989).

Seterusnya, retorik pemerian berfungsi dalam penyampaian maklumat atau fakta secara objektif dan tersusun tanpa melibatkan unsur penilaian (Muhammad Nur Akmal Rosli, 2022). Jenis retorik ini menggunakan gambaran deria yang melibatkan aspek pelihatan, pendengaran, rasa, bau dan sentuhan sehingga pembaca dapat membayangkan situasi yang digambarkan seolah-olah mengalaminya sendiri (Bowkett & Hitchman, 2021; Elina Koliada & Iryna Kalynovska, 2023). Selain itu, penggunaan bahasa yang tersusun, jelas dan bersifat informatif bagi menghuraikan sesuatu keadaan turut menjadi ciri penting dalam retorik pemerian (Keraf, 1989).

Retorik pendedahan dikenal pasti melalui penggunaan bahasa yang bertujuan untuk menjelaskan dan memaparkan sesuatu maklumat, konsep

atau fakta secara jelas, sistematis dan terperinci kepada pembaca (Dewi Hj Samri, 2022; Muhammad Nur Akmal Rosli, 2022). Retorik ini turut memperlihatkan penggunaan teknik, seperti pendefinisian, pencerakinan, pengkategorian, perbandingan serta hubungan sebab dan akibat dalam penghuraian sesuatu perkara (Corbett & Connors, 1999; Crowley & Hawhee, 2012; Sobariah Baharum, 2008). Selain itu, penggunaan bahasa yang jelas, mudah difahami dan bersifat eksplanatori menjadi ciri penting bagi memastikan penyampaian maklumat dapat difahami dengan berkesannya oleh pembaca (Van Eemeren & Van Haaften, 2023). Kehadiran ciri tersebut membolehkan sesuatu petikan dikategorikan sebagai retorik pendedahan yang berfungsi untuk memperluas pemahaman dan pengetahuan baharu pembaca (Zulaikha Khairuddin et al., 2021).

Akhir sekali, retorik penceritaan dikenal pasti melalui pembinaan jalan cerita yang tersusun secara teratur berdasarkan urutan peristiwa, seperti permulaan, perkembangan, konflik, klimaks dan pengakhiran (Herman, 2009). Retorik ini turut melibatkan pengolahan imaginatif yang disampaikan secara logik dan koheren bagi memastikan perkembangan cerita mudah diikuti oleh pembaca (Arba'ie Sujud & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, 2011). Dari aspek struktur, retorik ini menekankan prinsip kesatuan dan pertautan cerita melalui hubungan yang jelas antara peristiwa, latar masa dan latar tempat dalam penceritaan (Masahiko Minami, 2020; Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohd. Saleeh Rahamad, 1996). Di samping itu, penggunaan gaya bahasa yang sesuai dengan konteks penceritaan dan tahap pembaca sasaran membantu pembaca untuk menghayati pengalaman, emosi dan nilai yang terkandung dalam naratif (Kaithiri Arumugam, 2021; Stefan Meier, 2022).

Model Gaya Bahasa Henry Guntur Tarigan (1985)

Dalam model gaya bahasa Henry Guntur Tarigan (1985), gaya bahasa dalam teks sastra dapat diklasifikasikan kepada empat kategori gaya, iaitu perbandingan, pertentangan, pertautan dan perulangan, yang masing-masing berfungsi sebagai strategi retorik dalam pembinaan makna.

Gaya perbandingan berfungsi sebagai alat pemetaan makna yang mempercepat kefahaman pembaca dan membantu mentransformasikan konsep abstrak kepada bentuk yang lebih konkrit dan mudah dihayati. Dalam konteks pedagogi, gaya perbandingan menyokong pemrosesan makna dan penghayatan nilai melalui imaginasi. Pengenalpastian gaya bahasa dilakukan berdasarkan ciri linguistik dan fungsi penggunaannya

dalam teks. Menurut Henry Guntur Tarigan (1985), sesuatu ayat dikategorikan sebagai gaya perbandingan apabila mengandungi unsur perbandingan secara langsung atau tidak langsung melalui penggunaan perumpamaan, metafora dan personifikasi.

Gaya pertentangan pula melibatkan penggunaan unsur berlawanan untuk menegaskan makna, memperkuat konflik dan menonjolkan ketegangan emosi watak. Dari sudut retorik penceritaan, gaya ini berfungsi sebagai pemicu dramatik yang membezakan fasa naratif, serta membantu pembaca untuk menilai pertentangan nilai dan implikasi sesuatu tindakan (Henry Guntur Tarigan, 1985). Seterusnya, gaya pertautan merujuk penggunaan unsur yang menghubungkan idea, peristiwa dan makna. Gaya ini berperanan untuk membina kohesi dan kesinambungan wacana, sekali gus memastikan naratif berkembang secara teratur dan logik. Implikasinya, pembaca dapat menjejak hubungan sebab-akibat, serta memahami perkembangan cerita dengan lebih jelas. Menurut Henry Guntur Tarigan (1985), gaya pertautan berfungsi untuk menghubungkan idea dan makna dalam penceritaan.

Gaya perulangan pula melibatkan pengulangan unsur bahasa. Walaupun penggunaannya terhad dalam teks sastera, gaya ini berfungsi untuk meningkatkan intensiti emosi, menandakan kepentingan maklumat dan mengukuhkan daya ingatan pembaca terhadap mesej utama dalam teks. Menurut Henry Guntur Tarigan (1985), gaya perulangan dikenal pasti melalui pengulangan kata, frasa atau struktur ayat secara sengaja bagi memberikan penegasan dan penumpuan terhadap sesuatu idea. Oleh itu, pemilihan gaya bahasa yang tepat penting bagi memastikan penyampaian idea, makna dan mesej dalam teks mudah difahami dan berkesan (Julaina Nopiah & Nurfatimah Izzati Samarrudin, 2024).

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Novel ini mengisahkan kehidupan beberapa pelajar sekolah, iaitu Harun, Swee Lan, Saridevi dan Razali, yang aktif membantu untuk mengurus koperasi sekolah di bawah bimbingan Cikgu Zulkiffi. Konflik mula berlaku apabila Munir berasa cemburu terhadap Razali yang dilantik sebagai penolong setiausaha koperasi sehingga mencetuskan pergaduhan dan pelbagai masalah. Pada masa yang sama, koperasi sekolah diceroboh dan wang tunai dicuri sehingga menyebabkan Razali disyaki terlibat kerana memegang kunci koperasi. Namun begitu, siasatan akhirnya

membuktikan Munir ialah pelaku sebenar. Pada penghujung cerita, koperasi sekolah berkenaan berjaya menjadi johan pertandingan koperasi anjuran ANGKASA.

Dengan berdasarkan jalan cerita tersebut, novel *Sejambak Bakti* memperlihatkan pelbagai konflik, pengalaman dan hubungan sosial. Oleh itu, penganalisisan retorik dilakukan bagi mengenal pasti jenis retorik yang digunakan dalam penulisan novel ini. serta fungsi penggunaannya dalam penyampaian wacana.

Jenis Retorik yang Digunakan dalam Penulisan Novel *Sejambak Bakti*

Penganalisisan penggunaan retorik dalam novel ini bertujuan untuk mengenal pasti peratusan penggunaan kepelbagaian retorik dalam penulisan novel yang menjadi medium penyampaian wacana bagi menyampaikan tema, nilai dan pengajaran novel *Sejambak Bakti*. Peratusan jenis retorik yang digunakan dalam penulisan *Sejambak Bakti* ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Peratusan penggunaan jenis retorik dalam Novel *Sejambak Bakti*.

Jenis Retorik	Kekerapan	Peratus (%)
Penceritaan	56	34.8
Penghujahan	30	18.6
Pendedahan	27	16.8
Pemerian	25	15.5
Pemujukan	23	14.3

Dengan berdasarkan Jadual 1, semua jenis retorik yang terkandung dalam teori retorik moden diterapkan dalam penulisan novel *Sejambak Bakti*. Dapatan menunjukkan bahawa penulis banyak menerapkan penggunaan retorik penceritaan, iaitu sebanyak 34.8 peratus. Retorik ini diikuti oleh retorik penghujahan (18.6 peratus), retorik pendedahan (16.8 peratus), retorik pemerian (15.5 peratus) dan retorik pemujukan (14.3 peratus).

Retorik Penceritaan

Retorik penceritaan juga dikenali sebagai retorik naratif. Menurut Phelan (2024), retorik ini menyampaikan kisah atau peristiwa. Tambahnya lagi, retorik penceritaan menekankan plot yang rapi mengikut turutan peristiwa melibatkan permulaan, konflik, klimaks dan pengakhiran.

Wacana yang dibina mempunyai kesatuan dan pertautan peristiwa, serta menggunakan gaya bahasa yang indah dan sesuai mengikut peringkat pembaca (Herman, 2009). Retorik penceritaan bersifat imaginatif, dan penulisnya menggunakan kreativiti dalam olahan ayat untuk memastikan bahawa karya yang terhasil menarik dan mampu menarik minat pembaca untuk menyelusuri plot cerita yang disusun (Arba'ie Sujud & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, 2011). Plot yang disusun mestilah logik susunan penceritaannya walaupun penceritaan dalam konteks imaginatif penulis. Melalui bahan bacaan, pembaca dapat merasai sendiri pengalaman, perasaan dan gambaran yang dijelaskan dalam penulisan (Kaithiri Arumugam, 2021).

Sebanyak 34.8 peratus retorik penceritaan digunakan daripada keseluruhan teknik retorik. Hal ini membuktikan bahawa retorik penceritaan paling banyak digunakan dalam karya penulisan novel ini. Melalui dapatan tersebut, dapat disimpulkan bahawa retorik penceritaan merupakan retorik yang dominan dalam strategi mengatur penyampaian idea secara tersusun dan berperingkat dalam novel tersebut. Kenyataan ini disokong oleh Md. Sidin Ahmad Ishak dan Mohd. Saleeh Rahamad (1996) yang menegaskan bahawa retorik penceritaan mestilah mengandungi permulaan, pertengahan, dan pengakhiran wacana yang tersusun agar jalan cerita dapat disampaikan dengan jelasnya dan sistematik. Setiap peristiwa dipersembahkan secara konsisten mengikut prinsip kesatuan dan pertautan cerita, selari dengan pandangan Md. Sidin Ahmad Ishak dan Mohd. Saleeh Rahamad (1996). Penulis juga memanfaatkan gaya bahasa sebagai alat utama dalam penyampaian retorik penceritaan seperti yang dijelaskan oleh Henry Guntur Tarigan (1985), iaitu untuk meningkatkan daya tarikan cerita dan menjadikan plot lebih hidup, serta mudah difahami. Contoh wacana retorik penceritaan dalam novel *Sejambak Bakti* dipaparkan dalam Data (1) dan Data (2).

- (1) Melalui pintu dapur rumah itu, kelihatan Mak Sopiah menjenguk-jenguk ke arah pondok di tengah sawah. Dia melihat susuk tubuh Razali sedang termenung di situ. **Betapa sayu hati seorang ibu** melihat anaknya sedang berduka.

Dia segera turun dari rumah itu menuju ke arah pondok. **Dia tahu Razali begitu berduka** atas tindakan ayah tirinya itu. **Dia juga tahu jika tidak kerana sayang akan dirinya**, anaknya itu akan terus meninggalkan rumah itu. Sesungguhnya, Razali itulah tempat dia mencurahkan kasih dan bergantung hidup pada masa hadapan. Dia tidak akan mempersia-siakan anaknya yang satu itu. (*Sejambak Bakti*, 2007:127)

- (2) Sebentar kemudian, kelihatan Munir berjalan keluar dengan langkah longlai sambil menundukkan kepalanya dan berdiri tidak jauh daripada Razali. Tiba-tiba dalam **suasana yang amat memilukan** itu, Munir menghampiri Razali dan menghulurkan tangannya. Razali menyambut tangan itu. Mereka bersalaman. “Maafkan segala kesalahan saya, Zali,” kata Munir. Razali mengangguk-angguk. Ketika itu juga tidak tertahan rasa pilu di hatinya, segera pula dia memeluk tubuh Munir. Mereka berpelukan. **Air mata Razali juga berderaian di pipinya.** (*Sejambak Bakti*, 2007:140)

Data (1) memperlihatkan retorik penceritaan yang teratur dan konsisten apabila penulis menghubungkan peristiwa secara berurutan. Dalam peristiwa ini, Mak Sopiah menjenguk dari pintu dapur, diikuti oleh penekanan terhadap kesedihan Razali sebelum beralih kepada tindakan Mak Sopiah yang menuju ke pondok. Susunan peristiwa tersebut memenuhi prinsip kesatuan dan pertautan cerita sebagaimana yang dijelaskan oleh Md. Sidin Ahmad Ishak dan Mohd. Saleeh Rahamad (1996). Selain itu, unsur emosi dan psikologi watak turut ditonjolkan melalui klausa **betapa sayu hati seorang ibu** yang menggambarkan konflik dalaman, serta kasih sayang mendalam seorang ibu terhadap anaknya. Penggunaan frasa tersebut sekali gus menimbulkan empati pembaca terhadap keadaan yang dialami oleh watak. Gaya bahasa yang dramatik dan repetitif, seperti dalam ungkapan **dia tahu Razali begitu berduka ... dia juga tahu jika tidak kerana sayang ...**, berfungsi sebagai alat retorik yang menegaskan makna, selari dengan pandangan Henry Guntur Tarigan (1985) bahawa bahasa ialah medium utama untuk menghidupkan naratif. Oleh itu, penceritaan ini bukan sekadar menyampaikan peristiwa, tetapi turut membina pengalaman membaca yang interaktif apabila pembaca dapat memahami motivasi, konflik dan tekad Mak Sopiah, di samping menjiwai nilai kasih sayang seorang ibu.

Data (2) memperlihatkan retorik penceritaan yang menekankan dimensi emosi dan psikologi watak apabila Munir digambarkan berjalan dengan langkah longlai, menundukkan kepala, lalu menghulurkan tangan kepada Razali. Hal ini suatu tindakan simbolik yang menzahirkan penyesalan dan kerendahan hati. Adegan seterusnya, iaitu Razali menyambut salam, berpelukan dan menitiskan air mata, memperkukuh prinsip kesatuan cerita kerana kesinambungan peristiwa dirangka dengan logik naratif yang konsisten sebagaimana yang dijelaskan oleh Md. Sidin Ahmad Ishak dan

Mohd. Saleeh Rahamad (1996). Gaya bahasa dramatik, seperti **suasana yang amat memilukan** dan **air mata Razali juga berderai di pipinya**, berfungsi sebagai alat retorik yang menghidupkan plot dan menyentuh emosi pembaca, selaras dengan peranan bahasa untuk memperkuat kesan naratif. Oleh itu, penceritaan ini bukan sekadar menggambarkan peristiwa, tetapi juga menimbulkan penghayatan emosi pembaca terhadap konflik yang dialami oleh watak.

Retorik Penghujahan

Retorik penghujahan digunakan dalam wacana secara jelas, berkesan dan menyakinkan (Nadiah Zamri & Zulkefli Aini, 2021). Menurut Mitra dan Fronese (2021), retorik penghujahan digunakan untuk mendapatkan persetujuan pembaca dengan usul atau hujah bernas yang dikemukakan oleh penulis. Dari segi penyampaian, retorik penghujahan menggunakan teknik penyampaian secara deduktif atau induktif untuk menarik perhatian pembaca dalam isu yang diketengahkan dalam cerita tersebut (Haziq Aisha, 2023). Tiada unsur pelibatan emosi dalam retorik ini kerana retorik penghujahan bersifat rasional (Mills, 2021). Dalam kajian ini, novel *Sejambak Bakti* menggunakan retorik penghujahan sebanyak 18.6 peratus daripada keseluruhan teknik retorik yang digarapkan. Contoh seni retorik penghujahan dalam novel *Sejambak Bakti* ditunjukkan dalam Data (3) dan Data (4).

- (3) “Selain itu, **saya juga menyeru** semua murid dan guru supaya menjalankan koperasi ini menurut dasar kerajaan kita, iaitu bersih, cekap dan amanah. Dasar ini sekiranya dituruti oleh semua murid dan guru, insya-Allah **kita akan mendapat kejayaan**.” Pandangan tersebut dilemparkan kepada semua ahli lembaga pengarah di barisan kiri dan kanannya. (*Sejambak Bakti*, 2007:10)
- (4) Tuan Pengerusi,” kata Cikgu Robeah selaku bendahari koperasi, “**Saya ingin mencadangkan** supaya kita melaksanakan semua usul itu **kerana modal yang terkumpul sudah mencukupi**, iaitu kira-kira **RM10000.00**,” kata Cikgu Robeah sambil **membuka penyata kira-kira koperasi**. (*Sejambak Bakti*, 2007:11)

Retorik penghujahan dalam Data (3) dapat dilihat melalui **saya juga menyeru** yang menunjukkan cadangan kepada ahli mesyuarat. Selain itu, klausa **sekiranya dituruti** dan **kita akan mendapat kejayaan** memperlihatkan hubungan logik sebab dan akibat bagi menyokong hujah yang dikemukakan untuk meyakinkan ahli lembaga pengarah.

Penanda retorik penghujahan dalam Data 4 dapat dilihat melalui klausa **Saya ingin mencadangkan** yang menunjukkan idea utama atau cadangan yang dikemukakan oleh Cikgu Robeah. Penggunaan klausa **kerana modal yang terkumpul sudah mencukupi** pula menunjukkan alasan logik yang menyokong cadangan tersebut. Selain itu, pernyataan jumlah **RM10000.00** dan tindakan **membuka penyata kira-kira koperasi** memperlihatkan penggunaan bukti dan fakta bagi mengukuhkan keyakinan ahli mesyuarat terhadap cadangan yang dikemukakan.”

Retorik Pemerian

Retorik pemerian digunakan dalam usaha penulis untuk memindahkan pengalaman dan pengamatan kepada pembaca melalui wacana (Muhammad Nur Akmal Rosli, 2022). Menurut Raminah Sabran (2002), penggunaan imej, *mood* dan sensasi dalam retorik ini penting untuk menjiwai perkara yang ingin disampaikan melalui gambaran yang bersifat realistik dan impresionistik yang dapat diamati, dibayangkan atau dirasai oleh pembaca. Retorik pemerian digunakan dalam semua bab dalam novel ini. Menurut Muhammad Nur Akmal Rosli (2022), retorik ini digunakan supaya pembaca dapat memahami atau menggambarkan lokasi atau situasi yang bakal diceritakan dalam bab tersebut oleh penulis. Selain itu, retorik pemerian yang digunakan banyak membantu pembaca, terutamanya pelajar yang masih kurang pengalaman hidup, untuk menghayati perjalanan cerita novel ini (Kuzmicova & Cremin, 2021). Penggunaan retorik pemerian dalam novel ini ialah sebanyak 25 kali (15.5 peratus). Contoh penerapan retorik pemerian ditunjukkan dalam Data (5) dan Data (6).

- (5) “Selamat pagi!” jawab Cikgu Zulkifli sambil tersenyum. **Tubuhnya tinggi lampai, rambutnya genjur dan berkumis. Pakaianya bersih dan kemas.** (*Sejambak Bakti*, 2007:4)
- (6) Jalan itu merupakan **jalan kecil yang bertar** di sebuah kampung. Ternyata kini penduduk kampung sudah menikmati kemakmuran daripada kemerdekaan negara. **Elektrik dan paip air sudah ada di mana-mana.** Jika sebelum ini, jalan itu hanya sebuah **denai yang becak dan berlumpur.** (*Sejambak Bakti*, 2007:63)

Data (5) menunjukkan penggunaan unsur deria pelihatan dalam penguraian penampilan fizikal Cikgu Zulkifli. Klausa **tubuhnya tinggi lampai, rambutnya genjur dan berkumis, serta pakaiannya bersih**

dan kemas memberikan gambaran visual yang jelas kepada pembaca tentang rupa dan penampilan watak tersebut. Penggunaan unsur deria ini membantu pembaca untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas terhadap watak dalam penceritaan.

Data (6) pula memperlihatkan retorik pemerian melalui penerangan terperinci tentang keadaan kampung dan jalan yang dilalui oleh watak. Frasa **jalan kecil yang bertar, denai yang becak dan berlumpur**, serta klausa **elektrik dan paip air sudah ada di mana-mana** menunjukkan pemerian latar tempat secara jelas dan tersusun. Penggunaan unsur deria pelihatan dalam petikan ini membantu pembaca untuk membayangkan suasana kampung yang digambarkan oleh penulis. Pemerian tersebut bukan sahaja memperjelas latar tempat, malah membantu pembaca untuk memahami perubahan kehidupan masyarakat kampung selepas kemerdekaan negara.

Retorik Pendedahan

Retorik pendedahan merupakan satu seni bahasa yang berfungsi untuk membuka persepsi pembaca dengan menyingkap atau memaparkan sesuatu maklumat dengan terperinci (Muhammad Nur Akmal Rosli, 2022). Bagi retorik pendedahan, penulis biasanya menggunakan teknik pendefinisian, pencerakinan, pengkategorian, perbandingan, serta sebab dan akibat (Sobariah Baharum, 2008). Menurut Zulaikha Khairuddin et al. (2021), penulis harus menjelaskan objektif atau input secara jelas dan terperinci. Keadaan ini memerlukan penulis untuk mahir dalam idea yang ingin disampaikan supaya retorik ini dapat digunakan dengan baiknya. Kosa kata yang mudah digunakan untuk memberikan impak, serta isu yang diketengahkan tidak membawa kepada kontroversi dan perbezaan pendapat dengan pembaca (Van Eemeren & Van Haafden, 2023). Zulaikha Khairuddin et al. (2021), menegaskan bahawa dalam retorik pendedahan, emosi dan sudut pandangan peribadi tidak dilibatkan kerana olahan idea tertumpu pada penyingkapan atau pemaparan sesuatu perkara. Dalam kajian ini, novel *Sejambak Bakti* menggunakan retorik pendedahan sebanyak 16.8 peratus daripada keseluruhan teknik retorik. Sebanyak 27 kali retorik pendedahan digunakan dalam olahan cerita. Contoh penggunaan retorik pendedahan dalam novel *Sejambak Bakti* ditunjukkan dalam Data (7) dan Data (8).

(7) Usul pertama yang telah diputuskan dalam mesyuarat agung yang lalu **ialah** koperasi kita hendaklah berusaha memelihara

atau menternak ayam telur, di samping melatih ahli koperasi kita berternak, kita juga dapat menambahkan hasil koperasi. (*Sejambak Bakti*, 2007:11)

- (8) “Tujuan pertama koperasi ditubuhkan **adalah** untuk menggalakkan sikap berjimat cermat dan menolong diri sendiri dan antara ahli.” (*Sejambak Bakti*, 2007:9)

Dua contoh yang diberikan ini mengandungi kata pemerii, iaitu **ialah** atau **adalah**. Pendedahan dapat berlaku melalui pendefinisian menggunakan kata pemerii **ialah** dan **adalah**. Kata pemerii digunakan untuk menghubungkan sesuatu yang diperkatakan dengan huraian atau penjelasan. Dalam Data (7), kata pemerii **ialah** digunakan untuk menerangkan usul atau perkara yang dicapai ketika mesyuarat agung berlangsung.

Di samping penggunaan kata pemerii **ialah**, kata pemerii **adalah** juga digunakan dalam retorik pendedahan. Dalam Data (8), **adalah** digunakan untuk menghuraikan keterangan **tujuan pertama koperasi ditubuhkan, menggalakkan sikap berjimat cermat dan menolong diri sendiri dan antara ahli** ialah frasa yang menjelaskan **tujuan pertama koperasi ditubuhkan**.

Selain penggunaan kata pemerii **ialah** dan **adalah**, retorik pendedahan juga diterapkan dengan mengemukakan bukti melalui contoh secara langsung. Hal ini dapat dilihat dalam Data (9) dan Data (10).

- (9) “Saya percaya mereka memberikan kerjasama yang baik, **sebab itulah koperasi ini berjaya**,” ulas Encik Mansur. (*Sejambak Bakti*, 2007:42)
- (10) Hidup anak-anak mereka juga serba mewah. **Disebabkan itu jua** mereka sudah tidak begitu menghiraukan pelajaran. (*Sejambak Bakti*, 2007:64)

Data (9) memberikan pendedahan melalui klausa **sebab itulah koperasi ini berjaya**, yang menjelaskan hubungan sebab dan akibat antara kerjasama ahli koperasi dengan kejayaan koperasi tersebut. Penerangan tersebut membantu pembaca untuk memahami faktor yang menyumbang kejayaan koperasi secara jelas dan langsung. Dalam Data (10), penanda retorik pendedahan dapat dilihat melalui frasa **Disebabkan itu jua** yang menerangkan sebab anak tidak menghiraukan pelajaran. Penggunaan

hubungan sebab dan akibat dalam petikan ini membantu memperjelas situasi yang berlaku kepada pembaca tanpa melibatkan unsur emosi atau pertentangan pendapat.

Retorik Pemujukan

Retorik pemujukan turut dikenali sebagai retorik pengaruh (Badrol Hisham Abdul Malik et al., 2023). Menurut Rohaidah Kamaruddin et al. (2023), tujuan retorik ini digunakan dalam penulisan wacana adalah untuk mengubah pemikiran atau kepercayaan yang menyasarkan pembaca. Retorik pemujukan banyak digunakan dalam usaha penulis untuk menarik perhatian pembaca supaya bertindak mengikut matlamat penulis (Barajas et al., 2022). Retorik ini juga menjadi seni wacana bagi menghuraikan atau menyelesaikan konflik yang berlaku antara watak yang terkandung dalam novel tersebut (Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi et al., 2021). Setelah keseluruhan novel ini dianalisis, sebanyak 23 kali retorik pemujukan ditemukan. Contoh seni retorik pemujukan dalam novel *Sejambak Bakti* dipaparkan dalam Data (11) dan Data (12).

- (11) “Eh, **janganlah buat begitu**, kawan! **Tak baik**,” tegur Harun selaku salah seorang ahli lembaga pengarah yang bertugas sebagai jurujual pada hari itu bersama-sama dengan Swee Lan dan Saridevi. (*Sejambak Bakti*, 2007:2)
- (12) Encik Aziz termenung sejenak. “15 peratus, cikgu. Dah tinggi tu,” kata Encik Aziz.
“**Berilah 20 peratus**,” pinta Cikgu Zulkifli.
“Yalah, Encik Aziz. Berilah kami diskaun 20 peratus. Kami nak jual di kedai koperasi. Boleh juga Encik Aziz tolong koperasi kami,” **pujuk** Razali. (*Sejambak Bakti*, 2007:26)

Data (11) menggambarkan peristiwa Harun yang menangkap pelajar yang mencuri sebatang pen dengan cara memasukkan ke dalam saku seluar. Harun menegur pelajar tersebut dan pelajar tersebut bertindak untuk membayar harga pen yang dicurinya. Pada asalnya, pelajar tersebut berniat untuk mencuri pen, tetapi setelah ditegur, pelajar tersebut mengubah kelakuan dengan membayar pen tersebut. Oleh itu, penggunaan retorik pemujukan dalam data tersebut dapat dilihat melalui penggunaan frasa **janganlah buat begitu** yang membawa unsur larangan dan nasihat bagi mempengaruhi tindakan watak. Selain itu, klausa **tak baik** menunjukkan penilaian moral terhadap perbuatan tersebut.

Dalam Data (12), retorik pemujukan digunakan apabila Razali dan jawatankuasa koperasi membeli barang di kedai. Cikgu Zulkifli dan Razali memujuk Encik Aziz agar memberikan diskaun harga paling tinggi bagi barang beliannya. Retorik pemujukan dalam petikan ini dapat dilihat melalui penggunaan frasa **Berilah 20 peratus** yang menunjukkan unsur rayuan bagi mempengaruhi keputusan Encik Aziz. Selain itu, klausa **Boleh juga Encik Aziz tolong koperasi kami** memperlihatkan pujukan yang menyentuh nilai kerjasama dan bantuan untuk mendapatkan persetujuan. Penggunaan kata kerja **pinta** dan **pujuk** turut mengukuhkan unsur pemujukan dalam dialog tersebut.

Fungsi Gaya Bahasa dalam Pengukuhan Strategi Retorik Penceritaan

Selain berfungsi untuk menyampaikan plot cerita, penggunaan retorik penceritaan juga membolehkan pembaca menghayati nilai, moral dan emosi watak secara lebih mendalam. Penggunaan retorik penceritaan yang teliti berpandukan prinsip penceritaan mampu menghasilkan karya yang berkualiti dengan sokongan penggunaan gaya bahasa yang sesuai (Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohd. Saleeh Rahamad, 1996). Hal ini dikatakan demikian kerana gaya bahasa bukan sahaja menyokong kejelasan jalan cerita, tetapi juga meningkatkan kesan emosi dan daya imaginatif pembaca, sekali gus memperlihatkan hubungan yang rapat antara strategi penceritaan dengan pemilihan bahasa oleh penulis. Menurut Henry Guntur Tarigan (1985), gaya bahasa ialah bahasa indah yang digunakan untuk menghasilkan kesan estetik, penegasan makna dan keberkesanan komunikasi dalam sesuatu teks. Hasil analisis menunjukkan bahawa penulis novel ini menggunakan gaya bahasa yang terdiri daripada gaya perbandingan, gaya pertentangan, gaya pertautan dan gaya perulangan. Kekerapan dan peratusan penggunaan gaya bahasa dalam retorik penceritaan ini dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Peratusan penggunaan gaya bahasa dalam retorik penceritaan *Sejambak Bakti*.

Gaya Bahasa	Kekerapan	Peratus (%)
Pertautan	31	36.9
Perbandingan	24	28.6
Pertentangan	20	23.8
Perulangan	9	10.7
Jumlah	84	100

Dengan berdasarkan Jadual 2, gaya bahasa pertautan mencatatkan kekerapan penggunaan tertinggi, iaitu sebanyak 31 kali (36.9 peratus). Seterusnya, gaya bahasa perbandingan mencatatkan kekerapan penggunaan sebanyak 24 kali (28.6 peratus), diikuti oleh gaya bahasa pertentangan sebanyak 20 kali (23.8 peratus). Gaya bahasa perulangan pula mencatatkan kekerapan penggunaan paling rendah, iaitu sebanyak 9 kali (10.7 peratus). Secara keseluruhan, dapatan ini memperlihatkan bahawa gaya bahasa pertautan merupakan gaya bahasa yang paling dominan digunakan dalam retorik penceritaan novel *Sejambak Bakti*.

Gaya Pertautan

Gaya pertautan merupakan jenis gaya bahasa ketiga yang terkandung dalam model gaya bahasa oleh Henry Guntur Tarigan (1985). Menurut Henry Guntur Tarigan (1985), gaya bahasa pertautan ialah gaya bahasa yang menyampaikan makna melalui hubungan antara sesuatu perkara atau peristiwa dengan perkara atau peristiwa yang lain. Tambahan lagi, gaya bahasa pertautan terdiri daripada metonimia, sinekdoke, alusi, eufemisme, eponim, epitet, antonomasia, erotesis, paralelisme, elipsis, gradasi, asidenton dan polisidentos. Dalam novel ini, pelbagai jenis gaya pertautan digunakan oleh penulis. Contoh gaya bahasa pertautan ini dapat dilihat dalam Data (13) hingga Data (16).

- (13) “Apakah yang engkau kesalkan tu, Munir?” tanya Silvam yang bertubuh **gempal** dan berambut keriting. (*Sejambak Bakti*, 2007:16)
- (14) Kebencian Pak Zakaria sering menghantui dirinya. **Mengapakah** begitu sekali sikap ayah tirinya? **Apakah** kerana dia seorang anak tiri patut dibenci sedemikian rupa? Pertanyaan-pertanyaan itulah yang sering menghantui fikirannya. (*Sejambak Bakti*, 2007:76)
- (15) Peserta kursus mengangguk-angguk, termasuklah Razali yang **berazam** dan **bercita-cita** untuk menunaikan **harapan** dan **impiannya**. (*Sejambak Bakti*, 2007:90)
- (16) Razali **diam membatu**. **Kakinya seperti terpaku** di tanah. **Kepalanya terus ditundukkan**. Dia amat takut untuk melihat wajah ayah tirinya itu. (*Sejambak Bakti*, 2007:122)

Data (13) merupakan contoh eufemisme. Eufemisme ialah gaya bahasa yang menggantikan kata yang mungkin menyinggung perasaan atau dianggap kasar dalam konteks ayat tersebut. Ungkapan atau kosa

kata yang lebih mesra menggantikan kata tersebut. Dalam Data (13), kata **gempal** ialah bahasa yang lebih halus berbanding dengan kata “gemuk”.

Data (14) merupakan contoh jenis erotesis dalam gaya bahasa pertautan. Erotesis ialah gaya bahasa pengulangan ayat tanya menggunakan kata tanya bagi tujuan untuk mencapai penekanan terhadap isu atau persoalan. Walau bagaimanapun, soalan yang diajukan itu tidak memerlukan jawapan secara langsung. Dalam Data (14), erotesis dapat dilihat melalui penggunaan ayat tanya dengan kata tanya **mengapakah** dan **apakah**. Soalan tersebut tidak memerlukan jawapan secara langsung, sebaliknya digunakan untuk memberikan penekanan terhadap konflik emosi dan monolog dalaman watak.

Menurut Henry Guntur Tarigan (1985) gradasi ialah gaya bahasa yang mengandungi rangkaian atau kata yang mempunyai ciri pemaknaan yang diulang dalam bentuk konstruksi. Urutan kata atau istilah yang mendukung ciri semantik perlu mengandungi sekurang-kurangnya tiga kata atau istilah (Henry Guntur Tarigan, 1985). Data (15) dan Data (16) merupakan contoh gradasi. Dalam Data (15), dapat dilihat kata **berazam**, **bercita-cita**, **harapan** dan **impian** mempunyai satu pemaknaan yang sama, iaitu hasrat. Bagi Data (16) pula, gaya pertautan jenis gradasi dapat dilihat pada rangkaian kata, **diam membatu**, **kakinya seperti terpaku** dan **kepalanya terus ditundukkan** yang merujuk tindakan watak, iaitu Razali, yang kaku tidak bergerak.

Secara keseluruhan, gaya bahasa pertautan paling banyak digunakan dalam novel ini sebagai satu daripada strategi dalam retorik penceritaan bagi membina kesinambungan idea, emosi dan peristiwa dalam naratif. Melalui penggunaan eufemisme, erotesis dan gradasi, penulis berjaya menghasilkan penyampaian yang lebih tersusun, halus dan berkesan bagi menggambarkan situasi dan perkembangan watak. Eufemisme digunakan bagi memperhalus ungkapan tertentu agar penyampaian lebih sopan dan sesuai dengan konteks komunikasi watak. Erotesis pula berfungsi untuk memberikan penekanan terhadap konflik emosi dan monolog dalaman watak melalui penggunaan ayat tanya yang tidak memerlukan jawapan secara langsung. Selain itu, gradasi digunakan untuk memperlihatkan perkembangan idea, perasaan dan tindakan watak secara berturutan sehingga mampu menguatkan kesan dramatik dalam penceritaan.

Penggunaan gaya bahasa pertautan ini turut membantu penulis membina kohesi dan kesinambungan wacana dalam naratif dengan menghubungkan idea, peristiwa dan emosi secara teratur. Dari sudut retorik penceritaan, gaya pertautan menjadikan jalan cerita lebih lancar, jelas dan mudah

diikuti oleh pembaca. Implikasi terhadap pembaca pula, penggunaan gaya pertautan membantu pembaca untuk menelusuri hubungan sebab-akibat, memahami konflik watak dan menumpukan perhatian terhadap isu yang diketengahkan dalam cerita. Hal ini sekali gus meningkatkan penghayatan pembaca terhadap nilai dan mesej yang ingin disampaikan melalui novel tersebut.

Gaya Perbandingan

Dalam model gaya bahasa Henry Guntur Tarigan (1985), gaya perbandingan mengandungi sepuluh jenis, iaitu perumpamaan, metafora, personifikasi, depersonifikasi, alegori, antitesis, pleonasm, perifrasis, prolepsis dan koreksio. Contoh gaya perbandingan jenis perumpamaan yang digunakan oleh penulis ditunjukkan dalam Data (17) hingga Data (21).

- (17) Bekerja bersungguh-sungguh **seperti** orang Jepun. (*Sejambak Bakti*, 2007:25)
- (18) Disebabkan itulah tiga serangkai itu begitu baik perhubungannya **seperti** isi dengan kuku. Jika sungai, **seperti** aur dengan tebingnya. (*Sejambak Bakti*, 2007:29)
- (19) Dia rasa dirinya **seperti** sehelai daun kering yang melayang-layang ke sana ke mari tanpa berharga. (*Sejambak Bakti*, 2007:125)
- (20) Kau tengok Razali tu sekarang, **macam** kaduk naik junjung. (*Sejambak Bakti*, 2007:102)
- (21) Swee Lan dan Saridevi tu **macam** burung. (*Sejambak Bakti*, 2007:103)

Data (17) hingga Data (21) merupakan contoh penggunaan gaya perbandingan jenis perumpamaan, Ayat perumpamaan hadir bersama-sama kata penjelas eksplisit, iaitu “serupa”, “seperti”, “ibarat”, “bak”, “sebagai”, “umpama”, “laksana”, “macam” dan “penaka”. Dalam novel ini, hanya kata penjelas **seperti** dan **macam** digunakan untuk memberikan perumpamaan dalam retorik penceritaan. Selain penggunaan kata penjelas eksplisit dalam gaya perbandingan, gaya perbandingan juga dapat digayakan dengan penggunaan metafora.

Data (17) hingga Data (19) menunjukkan penggunaan gaya bahasa perbandingan jenis perumpamaan melalui kata penjelas eksplisit **seperti**. Dalam Data (17), frasa **bekerja bersungguh-sungguh seperti orang Jepun** digunakan untuk menggambarkan sifat rajin, tekun dan berdisiplin

watak apabila melakukan pekerjaan. Perbandingan tersebut membantu pembaca untuk membayangkan tahap kesungguhan watak dengan lebih jelas. Seterusnya, dalam Data (18), frasa **seperti isi dengan kuku dan seperti aur dengan tebingnya** menggambarkan hubungan yang sangat rapat dan saling memerlukan antara tiga sahabat tersebut. Penggunaan peribahasa berbentuk perumpamaan ini menjadikan gambaran hubungan persahabatan lebih hidup dan mudah difahami. Dalam Data (19) pula, watak membandingkan dirinya **seperti sehelai daun kering yang melayang-layang ke sana ke mari tanpa berharga** bagi menggambarkan perasaan tidak berguna, lemah dan hilang arah dalam kehidupan. Perumpamaan tersebut menimbulkan kesan emosi yang mendalam kepada pembaca melalui imej **daun kering** yang melambangkan sesuatu yang tidak bernilai dan mudah dipermainkan keadaan.

Data (20) dan Data (21) menunjukkan penggunaan gaya bahasa perbandingan jenis perumpamaan melalui kata penjelas eksplisit **macam**. Dalam Data (20), ungkapan **macam kaduk naik junjung** digunakan untuk menggambarkan sikap Razali yang dianggap berubah dan melampaui batas setelah memperoleh kelebihan atau kedudukan tertentu. Penggunaan peribahasa tersebut menyampaikan unsur sindiran dan penilaian negatif terhadap watak secara halus. Sementara itu, dalam Data (21), frasa **macam burung** digunakan untuk membandingkan antara Swee Lan dan Saridevi dengan burung bagi menggambarkan keadaannya yang riuh, banyak bercakap atau aktif bergerak. Perbandingan tersebut membantu pembaca untuk membayangkan suasana dan perlakuan watak dengan lebih jelas.

Secara keseluruhan, gaya bahasa perbandingan jenis perumpamaan didapati digunakan sebagai satu daripada strategi retorik penceritaan dalam novel ini bagi menghidupkan gambaran watak, emosi dan hubungan sosial secara lebih jelas dan berkesan. Penggunaan kata penjelas **seperti** dan **macam** membolehkan penulis membuat perbandingan yang dekat dengan pengalaman pembaca sehingga memudahkan pembaca untuk memahami maksud yang ingin disampaikan. Selain memperkukuh unsur deskriptif dalam penceritaan, perumpamaan turut berfungsi untuk mewujudkan kesan emosi, sindiran dan penghayatan terhadap situasi yang dialami oleh watak. Hal ini menunjukkan bahawa gaya bahasa perumpamaan berperanan penting bagi menjadikan naratif lebih ekspresif, menarik dan mudah dihayati oleh pembaca. Seterusnya, contoh perbandingan jenis metafora ditunjukkan dalam Data (22) hingga Data (23).

- (22) Sedikit sahaja **bara kebenciannya** dihembus maka cepatlah marak api kebenciannya itu. (*Sejambak Bakti*, 2007:121)
- (23) **Razali memaku dirinya di tanah**. (*Sejambak Bakti*, 2007:124)

Data (22) dan Data (23) ialah bukti penggunaan metafora dalam gaya perbandingan. Metafora menurut *Kamus dewan edisi keempat* (2013) ialah penggunaan kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar kata berkenaan. Metafora yang digunakan dalam penulisan novel ini secara tidak langsung mewujudkan komunikasi interaksi emosi dengan pembaca. Metafora juga bahasa figuratif yang menyatakan sesuatu dengan sesuatu yang lain (Keraf, 1990). Metafora membawa dua lapisan makna, iaitu makna literal bagi makna lapisan pertama dan makna metafora bagi lapisan kedua.

Penggunaan gaya bahasa ini juga membuktikan cara bahasa digunakan secara halus, berhemah dan tidak langsung dalam menyampaikan maksud atau emosi tertentu. Dalam Data (22), **bara kebencian** dan **api kebencian** menunjukkan penggunaan metafora. Unsur konkrit, iaitu **bara** dan **api** menunjukkan sifat nyata dan dapat dirasai oleh pembaca apabila penulis menyampaikan unsur abstrak dalam konteks tersebut. **Kebencian** pula merupakan unsur abstrak yang menunjukkan emosi watak dalam cerita tersebut. Penulis menggabungkan antara unsur abstrak dengan unsur konkrit untuk menarik minat pembaca dan memberikan rasa dari segi emosi kepada pembaca.

Dalam Data (23), klausa **Razali memaku dirinya di tanah** menunjukkan penggunaan metafora yang menggambarkan keadaan Razali yang kaku, terdiam atau tidak mampu bergerak akibat perasaan terkejut, takut atau sedih. Kata **memaku** lazimnya merujuk perbuatan mengetuk paku pada objek sehingga tidak dapat bergerak, namun dalam konteks ini, kata tersebut digunakan secara figuratif terhadap diri manusia. Penggunaan metafora ini membantu pembaca untuk membayangkan keadaan emosi watak dengan lebih jelas dan berkesan. Dari sudut retorik penceritaan, metafora tersebut menguatkan unsur dramatik dan penghayatan emosi dalam naratif.

Di samping itu, jenis personifikasi juga digunakan dalam gaya perbandingan. Contohnya dapat dilihat dalam Data (24) dan Data (25).

- (24) **Angin** petang yang lembut, terus bertiup **membelai** tubuh empat orang anak muda di dalam pondok itu. (*Sejambak Bakti*, 2007:56)
- (25) Padi menghijau subur, daunnya **melambai-lambai** ditiup angin. (*Sejambak Bakti*, 2007:125)

Personifikasi satu daripada cara bahasa figuratif diolah untuk menjadikan bahan penulisan menarik dan gramatis. Mary Fatimah Subet (2012) mendefinisikan personifikasi sebagai pemberian sifat manusia kepada objek atau konsep. Dalam Data (24), **angin** merupakan udara yang bergerak yang diberikan sifat manusia, iaitu kebolehan **membelai**, seolah-olah angin tersebut mempunyai tangan. Dalam Data (25) pula, personifikasi dapat dilihat pada pergerakan daun yang seolah-olah mempunyai tangan untuk **melambai-lambai** bagi menggambarkan daun meliuk-liuk.

Secara keseluruhan, gaya bahasa perbandingan didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan retorik penceritaan dalam novel ini kerana penggunaannya berfungsi untuk memperkukuh penyampaian makna, gambaran dan emosi dalam naratif. Melalui penggunaan perumpamaan, metafora dan personifikasi, penulis berjaya menghasilkan penceritaan yang lebih ekspresif, imaginatif dan berkesan terhadap pembaca. Perumpamaan digunakan untuk memperjelas gambaran watak, hubungan sosial dan keadaan tertentu melalui unsur perbandingan yang dekat dengan pengalaman dan pengetahuan pembaca. Metafora pula memperlihatkan penggunaan bahasa figuratif secara kiasan dan tidak langsung bagi menyampaikan emosi, konflik dan keadaan psikologi watak sehingga dapat menimbulkan kesan penghayatan yang mendalam. Selain itu, personifikasi menjadikan unsur alam dan objek tidak bernyawa seolah-olah mempunyai sifat manusia, sekali gus menghidupkan suasana penceritaan dan memperindah penyampaian naratif. Penggunaan gaya bahasa perbandingan ini turut memperlihatkan kebijaksanaan penulis dari segi memanipulasikan bahasa bagi menghasilkan komunikasi yang lebih halus, estetik dan bermakna. Oleh itu, gaya bahasa perbandingan jelas berperanan sebagai strategi retorik penceritaan yang penting untuk memperkaya nilai estetika dan memperkukuh penyampaian mesej, serta meningkatkan keberkesanan penghayatan pembaca terhadap karya.

Gaya Pertentangan

Dalam model gaya bahasa Henry Guntur Tarigan (1985), bahasa pertentangan merupakan gaya bahasa yang digunakan untuk menyatakan sesuatu perkara, tetapi menggunakan istilah yang berlawanan. Gaya bahasa ini juga dipilih dan digunakan oleh penulis untuk menyatakan perasaan atau perkara yang tidak dipersetujui hatinya. Menurut Nuur Hikma Natasha Lamsah et al. (2023), penggunaan gaya bahasa pertentangan dalam teks

sastera ialah usaha penulis untuk mendeskripsikan atau menjelaskan makna mesej kepada pembaca agar mudah diterima dan difahami. Dalam novel *Sejambak Bakti*, gaya bahasa pertentangan ini digunakan sebagai satu daripada kaedah penyampaian retorik, terutamanya retorik penceritaan. Contoh penggunaan gaya bahasa pertentangan dapat diperhatikan dalam Data (26) hingga Data (30).

- (26) **Seribu tanda tanya** menghantui fikiran masing-masing. (*Sejambak Bakti*, 2007:110)
- (27) **Tiupan angin ini menyegarkan tubuh** mereka. Namun, hati dan perasaan salah seorang daripada tiga orang murid tu **tidaklah** sesegar tiupan angin. (*Sejambak Bakti*, 2007:15)
- (28) “Anak kau tulah! **Anak kesayangan kau tu dah jadi pencuri! Dah jadi perompak! ...**” (*Sejambak Bakti*, 2007:123)
- (29) **Kau ni memang tak sedar diri. Kau memalukan aku** di kampung ini. Huuuh!" (*Sejambak Bakti*, 2007:122)
- (30) “Maklumlah **baru berjaya pecahkan sebuah kota. Dapat batu-batu permata pula tu,**” sampuk Silvam pula **sambil ketawa.** (*Sejambak Bakti*, 2007:115)

Data (26) menunjukkan gaya bahasa pertentangan berbentuk hiperbola. Penulis membuat pernyataan ekksesif bagi tujuan meningkatkan kesan mendalam terhadap situasi atau sifat sesuatu. Hiperbola juga melibatkan pernyataan yang berlebihan daripada jumlahnya, ukurannya atau sifatnya (Henry Guntur Tarigan, 1985). Data (26) menggunakan frasa **seribu tanda tanya** bagi menunjukkan watak yang dipenuhi dengan pelbagai persoalan. Mungkin, bilangan persoalan yang dihadapi tidaklah sehingga seribu bilangannya, tetapi penulis menggunakan kata yang bersifat berlebihan bagi memberikan impak ekksesif terhadap situasi yang tegang dalam fikiran watak.

Selain hiperbola, litotes juga antara jenis gaya bahasa pertentangan. Litotes menyatakan sesuatu yang positif dalam bentuk yang negatif atau sebaliknya (Henry Guntur Tarigan 1985). Data (27) merupakan ayat yang menggarap gaya litotes. Penulis menyatakan situasi yang berlaku pada watak. Pernyataan dalam bentuk retorik pemerian dimulakan untuk menghuraikan situasi yang berlaku sebelum ayat yang seterusnya membawa pemaknaan sebaliknya. Sepatutnya, apabila **tiupan angin ini menyegarkan tubuh**, emosi iaitu hati dan perasaan watak sepatutnya dalam keadaan riang gembira, tetapi penulis menyambung cerita dalam keadaan sebaliknya.

Data (28) dan Data (29) merupakan penggunaan gaya bahasa pertentangan jenis sarkasme. Menurut Fakrulnizam Jafri (2024), sarkasme mengandung unsur kata pedas untuk menyakitkan hati seseorang. Henry Guntur Tarigan (1985) pula menjelaskan bahwa sarkasme dicirikan oleh penggunaan kata celaan yang kasar, tajam dan kurang menyenangkan untuk didengar. Dalam Data (28), ungkapan **anak kesayangan kau tu dah jadi pencuri! Dah jadi perompak!** memperlihatkan penggunaan kata yang keras dan bersifat menghina bagi meluahkan kemarahan serta kekecewaan terhadap perlakuan watak. Penggunaan kata **pencuri** dan **perompak** bukan sahaja menimbulkan ketegangan emosi, malah memberikan tekanan psikologi kepada pendengar. Sementara itu, dalam Data (29), klausa **kau ni memang tak sedar diri** dan **kau memalukan aku** menunjukkan unsur celaan secara langsung untuk merendahkan dan menyalahkan watak tertentu. Penggunaan sarkasme dalam kedua-dua contoh ini memperlihatkan konflik dan ketegangan hubungan antara watak dengan lebih jelas dan dramatik. Dari sudut retorik penceritaan, gaya bahasa sarkasme berfungsi untuk menguatkan penghayatan emosi, seperti marah, kecewa dan benci, di samping menjadikan dialog lebih realistik, tegas dan berkesan terhadap pembaca.

Data (30) merupakan penggunaan gaya bahasa pertentangan jenis ironi. Ironi ialah bentuk sindiran yang disampaikan secara halus dan tidak secara langsung jika dibandingkan dengan sarkasme yang bersifat lebih keras dan menyakitkan hati. Dalam Data (30), ungkapan **baru berjaya pecahkan sebuah kota dan dapat batu-batu permata pula tu** bukan membawa maksud sebenar, sebaliknya digunakan secara sinis untuk menyindir tindakan atau perlakuan watak tertentu. Sindiran tersebut diperkukuh melalui frasa **sambil ketawa** yang menunjukkan unsur ejekan dan gurauan sinis dalam dialog tersebut. Penggunaan ironi ini membolehkan penulis menyampaikan kritikan secara lebih lembut, tetapi masih memberikan kesan terhadap pembaca dan watak yang terlibat. Dari sudut retorik penceritaan, gaya bahasa ironi berfungsi untuk menghidupkan dialog, memperlihatkan hubungan sosial antara watak, serta menambahkan unsur humor dan sindiran dalam naratif secara lebih halus dan berkesan.

Secara keseluruhan, gaya bahasa pertentangan digunakan dalam novel ini sebagai satu daripada strategi retorik penceritaan bagi memperkukuh penyampaian konflik, emosi dan ketegangan dalam naratif. Melalui penggunaan hiperbola, litotes, sarkasme dan ironi, penulis berjaya menggambarkan perasaan, pemikiran dan sikap watak secara lebih dramatik, berkesan dan bermakna. Hiperbola digunakan bagi memberikan kesan berlebihan terhadap sesuatu situasi sehingga meningkatkan intensiti

emosi dan ketegangan cerita. Litotes pula memperlihatkan penggunaan pertentangan secara halus bagi menggambarkan keadaan emosi atau situasi yang bertentangan dengan jangkauan pembaca. Selain itu, sarkasme digunakan untuk meluahkan kemarahan, kekecewaan dan konflik melalui kata sindiran yang tajam dan menyakitkan hati, manakala ironi berfungsi untuk menyampaikan sindiran secara lebih lembut dan tidak langsung.

Penggunaan gaya bahasa pertentangan membantu pembaca untuk memahami konflik dalaman, perubahan emosi dan hubungan antara watak dengan lebih mendalam. Dalam struktur retorik penceritaan, gaya pertentangan berfungsi sebagai pemicu dramatik yang menguatkan ketegangan konflik dan membezakan antara fasa tenang dengan fasa konflik dalam perkembangan cerita. Dari sudut implikasi terhadap pembaca pula, penggunaan gaya pertentangan membantu pembaca untuk mengenal pasti nilai baik dan nilai buruk, serta memahami akibat daripada sesuatu perbuatan. Hal ini sekali gus memperlihatkan peranan gaya pertentangan bagi menyokong objektif KOMSAS sebagai medium pembinaan sahsiah dan penghayatan nilai dalam kalangan pembaca.

Gaya Perulangan

Gaya perulangan merupakan gaya bahasa yang paling sedikit digunakan dalam novel *Sejambak Bakti*. Gaya perulangan tidak sesuai digunakan acap kali oleh penulis kerana dapat membosankan pembaca. Selain untuk keindahan apabila memberikan gambaran, gaya perulangan juga memberikan penegasan dalam konteks yang diketengahkan. Contoh gaya perulangan dapat dilihat dalam Data (31) dan Data (32).

- (31) “**Dia** ... dia ...” kata Munir terputus-putus.
“**Dia** apa?” sergah Cikgu Syamsudin.
“**Dia** terlalu rapat dengan Ram ... Ramlah, cikgu,” jelas Munir, ketakutan. (*Sejambak Bakti*, 2007:135)
- (32) **SMTPSK! Hidup Koperasi SMTPSK! Hidup Koperasi SMTPSK!** (*Sejambak Bakti*, 2007:149)

Data (31) merupakan contoh perulangan jenis anafora. Menurut Henry Guntur Tarigan (1985), anafora ialah gaya bahasa repetisi yang berupa perulangan kata pertama pada setiap baris atau setiap kalimat. Keadaan ini jelas dapat dilihat dalam Data (31). Dalam Data (31), pengulangan **dia** dalam tiga baris ayat berturut-turut menunjukkan penegasan terhadap kata **dia** yang menjadi perkara utama yang diceritakan dalam ayat tersebut.

Menurut Noriha Basir (2010), pengulangan gaya bahasa anafora ini berfungsi sebagai unsur penjelasan idea dalam perenggan.

Data (32) pula contoh epizeuksis dalam kata dalam ayat. Menurut Keraf (1990), epizeuksis ialah pengulangan yang bersifat langsung, iaitu yang mementingkan kata dan diulang berturut-turut. **Hidup koperasi SMTPSK** jelas diulang secara berturut-turut. Gaya bahasa pengulangan jenis epizeuksis amat sesuai digunakan dalam retorik penceritaan bagi menunjukkan penegasan dan penumpuan terhadap topik. Ayat ini menjelaskan perasaan gembira pelajar yang bersorak atas kejayaan sekolahnya yang menjadi johan dalam pertandingan koperasi yang disertai. Pengulangan kata tersebut bertujuan untuk membantu pembaca menghayati situasi yang sedang dijelaskan dalam ayat.

Gaya perulangan tidak banyak digunakan oleh penulis dalam novel *Sejambak Bakti*. Penggunaan gaya perulangan ini berfungsi sebagai penanda penegasan terhadap peristiwa atau emosi watak yang sedang memuncak. Dalam retorik penceritaan, gaya perulangan menambahkan intensiti suasana, menandakan kepentingan maklumat dan fokus konflik yang sedang berlaku. Dari segi implikasi terhadap pembaca awal remaja, gaya perulangan membantu daya ingatan terhadap mesej utama atau situasi utama yang melibatkan emosi kolektif watak yang berlaku dalam penceritaan yang disampaikan oleh penulis

Hubungan antara retorik penceritaan dengan kepelbagaian gaya bahasa dapat dilihat melalui cara penulis menggunakan bahasa untuk menghidupkan jalan cerita, watak, emosi dan konflik dalam novel. Retorik penceritaan bukan hanya menceritakan sesuatu peristiwa, tetapi melibatkan cara cerita itu disampaikan supaya pembaca dapat memahami, merasai dan menghayati cerita dengan lebih berkesan. Dalam hal ini, kepelbagaian gaya bahasa menjadi unsur penting yang membentuk kekuatan retorik penceritaan kerana tanpa penggunaan gaya bahasa yang sesuai, penceritaan menjadi hambar, mendatar dan kurang memberikan kesan kepada pembaca.

Gaya perbandingan digunakan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas melalui unsur kiasan dan perumpamaan sehingga pembaca dapat membayangkan keadaan watak dan suasana cerita dengan lebih mudah. Gaya pertentangan pula digunakan untuk menonjolkan konflik, ketegangan dan emosi watak melalui unsur sindiran, penegasan dan pertentangan makna. Selain itu, gaya pertautan membantu menghubungkan idea, peristiwa dan emosi dalam cerita supaya penceritaan lebih tersusun dan mudah diikuti oleh pembaca. Gaya perulangan pula berfungsi untuk

memberikan penegasan terhadap mesej, perasaan atau idea tertentu sehingga meninggalkan kesan yang lebih mendalam kepada pembaca.

Kepelbagaian gaya bahasa ini menunjukkan bahawa retorik penceritaan dibina melalui pengolahan bahasa yang terancang dan bukan sekadar penyampaian cerita secara biasa. Penggunaan gaya bahasa yang pelbagai membolehkan penulis mengawal kesan emosi, membentuk suasana dan menonjolkan konflik, serta menguatkan mesej dan nilai dalam naratif. Oleh itu, gaya bahasa dan retorik penceritaan saling berkaitan bagi menghasilkan penceritaan yang lebih hidup, menarik dan berkesan kepada pembaca.

Hubungan antara Gaya Bahasa dengan Retorik Penceritaan

Dalam kajian ini, teori retorik moden Enos dan Brown (1993) digunakan untuk mengenal pasti jenis strategi retorik yang digunakan dalam penyampaian wacana. Model gaya bahasa Henry Guntur Tarigan (1985) pula digunakan untuk menjelaskan cara unsur linguistik digunakan bagi memperkukuh keberkesanan retorik penceritaan dalam novel.

Hubungan antara retorik penceritaan dengan kepelbagaian gaya bahasa dapat dilihat melalui cara penulis menggunakan bahasa untuk menghidupkan jalan cerita, watak, emosi dan konflik dalam novel. Retorik penceritaan bukan hanya menceritakan sesuatu peristiwa, tetapi melibatkan cara cerita disampaikan untuk menghasilkan kesan tertentu terhadap pembaca (Herman, 2009; Phelan, 2024). Gaya bahasa pula berfungsi untuk membentuk kesan estetik dan makna melalui pengolahan bahasa yang kreatif dan terancang (Henry Guntur Tarigan, 1985; Keraf, 1989; Simpson, 2004). Dalam hal ini, kepelbagaian gaya bahasa menjadi unsur penting bagi membentuk keberkesanan retorik penceritaan kerana penggunaan bahasa yang pelbagai membantu menghidupkan watak, konflik, suasana dan emosi dalam naratif (Sumaira Qanwal et al., 2021).

Gaya perbandingan digunakan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas melalui unsur kiasan dan perumpamaan. Penggunaan gaya bahasa perbandingan turut membantu merangsang imaginasi pembaca dan memperkukuh gambaran dalam karya sastera (Henry Guntur Tarigan, 1985; Muharam Awang & Zubir Idris, 2023). Gaya pertentangan pula digunakan untuk menonjolkan konflik, ketegangan dan emosi watak melalui unsur sindiran, penegasan dan pertentangan makna. Penggunaan gaya bahasa pertentangan membantu menghasilkan kesan dramatik dan memperjelas mesej dalam penceritaan (Henry Guntur Tarigan, 1985; Nur Hikma Natasha Lamsah, Anida Sarudin & Mohd Sufian Ismail, 2023).

Selain itu, gaya pertautan membantu menghubungkan idea, peristiwa dan emosi dalam cerita supaya penceritaan lebih tersusun dan mudah diikuti oleh pembaca. Hal ini selaras dengan pandangan Masahiko Minami (2021) yang menegaskan bahawa kohesi dan kesinambungan penting dalam pembentukan naratif yang jelas dan bermakna. Gaya perulangan pula berfungsi untuk memberikan penegasan terhadap mesej, perasaan atau idea tertentu untuk meninggalkan kesan yang lebih mendalam kepada pembaca. Noriha Basir (2010) menjelaskan bahawa gaya pengulangan berfungsi untuk menguatkan idea dan meningkatkan kesan emosi dalam teks sastra.

Kepelbagaian gaya bahasa dalam novel *Sejambak Bakti* memperlihatkan bahawa retorik penceritaan dibina melalui pengolahan bahasa yang terancang, bukannya sekadar penyampaian peristiwa secara biasa. Penggunaan gaya perbandingan, gaya pertentangan, gaya pertautan dan gaya perulangan membolehkan penulis menghidupkan watak, membentuk suasana, menonjolkan konflik, serta mengawal kesan emosi dan penghayatan pembaca terhadap naratif (Henry Guntur Tarigan, 1985; Simpson, 2004; Wang, 2024). Hal ini menunjukkan bahawa gaya bahasa bukan sekadar unsur keindahan bahasa, tetapi berfungsi sebagai medium utama yang membentuk keberkesanan retorik penceritaan dalam novel (Phelan, 2024; Sumaira Qanwal et al., 2021). Penggunaan gaya bahasa yang pelbagai turut membantu memperkukuh penyampaian mesej, nilai dan pengajaran sehingga menjadikan penceritaan lebih hidup, menarik dan berkesan kepada pembaca (Arba'ie Sujud & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, 2011; Manuela Pulimeno et al., 2020).

KESIMPULAN

Kajian ini berjaya mencapai dua objektif utama, iaitu mengenal pasti jenis retorik moden Enos dan Brown (1993), serta menghuraikan gaya bahasa dalam retorik penceritaan dalam novel *Sejambak Bakti*. Hasil analisis menunjukkan bahawa retorik penceritaan bukan sahaja berfungsi sebagai medium untuk menyusun jalan cerita secara teratur dan logik, malah mampu menyalurkan nilai, moral dan pengajaran dengan lebih berkesan kepada pelajar. Dapatan kajian turut membuktikan bahawa penulis menggunakan kepelbagaian gaya bahasa, iaitu gaya perbandingan, gaya pertentangan, gaya pertautan dan gaya perulangan, bagi memperkukuh retorik penceritaan dalam teks novel *Sejambak Bakti*. Kepelbagaian gaya ini bukan sahaja memperindah naratif dan menjadikan bacaan lebih

menarik, malah berperanan sebagai alat retorik untuk menekankan makna, menyentuh emosi, serta membina imaginasi pembaca. Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa keberkesanan teks KOMSAS terletak pada keterpaduan antara strategi retorik dengan gaya bahasa, yang menjadikan pengalaman membaca lebih mendalam dan objektif pendidikan KOMSAS lebih tercapai.

Dari sudut praktikal, hasil kajian ini mempunyai implikasi langsung terhadap pengajaran dan pembelajaran KOMSAS di bilik darjah. Guru dapat memanfaatkan dapatan tentang strategi retorik penceritaan dan analisis gaya bahasa untuk merancang aktiviti pengajaran yang lebih interaktif. Hal ini bukan sahaja dapat meningkatkan apresiasi pelajar terhadap teks sastra, malah mengukuhkan kemahiran bahasa pelajar secara kreatif. Selain itu, hasil kajian ini juga dapat dijadikan panduan kepada penulis buku cerita untuk menghasilkan cerita yang mengandungi kepelbagaian gaya bahasa. Penggunaan gaya bahasa yang strategik dalam teks membolehkan jalan cerita disampaikan dengan lebih berkesan sekali gus menjadikan pengalaman membaca lebih menarik dan mendukung pembangunan literasi pembelajaran pelajar secara holistik. Secara keseluruhan, keberkesanan retorik dalam *Sejambak Bakti* memperlihatkan potensi besar teks KOMSAS sebagai medium pendidikan yang mampu membentuk nilai, sahsiah dan daya imaginasi generasi muda. Kepelbagaian gaya bahasa dalam teks memberikan kesan estetik dan kreativiti dalam penulisan, serta memperkukuh fungsi pendidikan karya KOMSAS dalam pembinaan pemikiran kritis, sahsiah dan nilai dalam kalangan pelajar.

PENGHARGAAN

Pengarang mengucapkan penghargaan dan ucapan terima kasih setinggi-tingginya kepada pensyarah Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia atas segala sokongan akademik dalam membantu kelancaran kajian ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Nurul Atiqah Amin: Konsep dan reka bentuk kajian, pelaksanaan kajian, reka bentuk soal selidik, penginterpretasian hasil, penulisan dan semakan makalah, penghantaran manuskrip dan pembetulan manuskrip akhir; Sharil Nizam Sha'ri: Semakan literatur, pemerkasaan kerangka teori, penulisan dan semakan makalah, pemurnian struktur penulisan dan pengesahan makalah akhir; Zuraini Jusoh: Penulisan dan semakan makalah dan semakan kandungan akademik.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Apostol, E. S., Truică, C. O., Damova, M., Silvano, P., Oleškevičienė, G. V., Liebeskind, C., Trajanov, D., Baczkowska, A., Montecchiari, E. A., & Chiaros, C. (2025). Multiword discourse markers across languages: A linguistic and computational perspective. *International Journal of Applied Linguistic*, 35(4), 2078–2090. <https://doi.org/10.1111/ijal.12755>
- Arba'ie Sujud, & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2011). Pembentukan emosi kanak kanak melalui bahan bacaan sastra. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 22(1), 66–89. <https://jier.um.edu.my/index.php/JOMAS/article/view/9651>.
- Atutxa, A., Bengoetxea, K., De Ilarraza, A., & Iruskieta, M. (2019). Towards a top-down approach for an automatic discourse analysis for Basque: Segmentation and Central Unit detection tool. *PLoS ONE*, 14. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0221639>
- Badrol Hisham Abdul Malik, Muhd Alif Redzuan Abdullah, Wan Noor Aini Wan Ahmad, Muhammad Qawiem Hamizan, & Norimah Zakaria. (2023). Rhetoric of persuasion in religious talk. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(12), 901–913. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v13-i12/19898>
- Barajas, C., Linero, María José, & Alarcón, R. (2022). Persuasion ability in children from 6 to 12 years old: Relations to cognitive and affective theory of mind. *Frontiers in Psychology*, 13. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.966102>
- Bowkett, S., & Hitchman, T. (2021). *Descriptive writing. Visualising literacy and how to teach it: A guide to developing thinking skills, vocabulary and imagination for 9-12 Years Old*. Routledge: Taylor & Francis.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Choemue, S., & Bram, B. (2021). Discourse markers in academic and non-academic writings of Thai EFL learners. *Studies in English Language*

- and Education*, 8(3), 1209–1226. <https://doi.org/10.24815/Siele.V8i3.20122>.
- Colleen, B. D. (2018). *A rhetorical approach to teaching children's literature*. San Diego State University.
- Corbett, E. P. J., & Connors, R. J. (1999). *Classical rhetoric for the modern student* (ed. ke-4). Oxford University Press.
- Crowley, S., & Hawhee, D. (2012). *Ancient rhetorics for contemporary students* (ed. ke-5). Pearson.
- Dewi Hj Samri. (2022). Pengaplikasian teori retorik moden dalam penyampaian ceramah ustaz Kazim Elias. *Jurnal Bahasa*, 22(1), 49–76. [http://doi.org.10.37052/jb22\(1\)no3](http://doi.org.10.37052/jb22(1)no3)
- Elina Koliada, & Iryna Kalynovska. (2023). Representation of sensory perceptions and emotional responses in the language of literary texts. *Research Trends in Modern Linguistics and Literature*, 6, 27–39. <https://doi.org/10.29038/2617-6696.2023.6.27.39>
- Enos, T., & Brown, S. C. (1993). *Defining the new rhetorics*. Sage Publications.
- Fakrulnizam Jafri. (2024). Penguasaan seni komunikasi sarkasme melalui jenaka dan kiasan bulletin. *The Newsletter of Masscomm 2024*. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/102295/>
- Hasrina Baharum, Norazimah Zakaria, Nordiana Hamzah, & Ariff Mohamad. (2018). Pendidikan kepelbagaian budaya dalam *Sejambak Bakti*. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1(1), 210–232. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/13390>
- Haziq Aisha. (2023). Bahasa retorik sebagai strategi penyampaian khutbah Jumaat di Negara Brunei Darussalam. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 65–90. [https://doi.org/10.37052/jb23\(1\)no3](https://doi.org/10.37052/jb23(1)no3)
- Henry Guntur Tarigan. (1985). *Pengajaran semantik*. Angkasa.
- Herman, D. (2009). *Basic elements of narrative*. Wiley-Blackwell.
- Iqbal Hamdan, & Md. Nor Abdullah. (2023). Elemen retorik karya A. Samad Said dalam buku puisi baru Melayu. *Jurnal Ilmu Warisan Sastera*, 6, 72–85. <http://journalarticle.ukm.my/24604/>
- Joty, S., Carenini, G., & Ng, R. (2015). CODRA: A novel discriminative framework for rhetorical analysis. *Computational Linguistics*, 41, 385–435. https://doi.org/10.1162/coli_a_00226
- Julaina Nopiah, & Nurfatimah Izzati Samarrudin. (2024). Penggunaan gaya bahasa retorik dalam pelaporan berita politik di berita televisyen. *PENDETA*, 15(2), 37–51. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.3.2024>
- Kaithiri Arumugam. (2021). *Estetik dalam buku cerita bergambar kanak kanak di Malaysia* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Utara Malaysia.
- Keraf, G. (1990). *Linguistik bandingan tipologis*. Gramedia.
- Keraf, G. (1989). *Diksi dan gaya bahasa*. Gramedia.

- Kiose, M. I. (2021). Linguistic creativity and discourse profiles of English language children's novels. *Russian Journal of Linguistics*, 25(1), 147–164. <http://doi.org/10.22363/2687/0088/2021/25/1/147/164>
- Kuzmicova, A., & Cremin, T. (2022). Different fiction genres take children's memories to different places. *Cambridge Journal of Education*, 52(1), 37–53. <https://doi.org/10.1080/0305764X.2021.1937523>
- Mahmudul Hasan. (2024). The power of words: Exploring language and communication in english literature. *International Journal of Literary Studies*. 12(1). <https://doi.org/10.58881/jllscs.v2i2.80>
- Manuela Pulimeno, Prisco Piscitelli, & Salvatore Colazzo. (2020). Children's literature to promote students' global development and wellbeing. *Health Promotion Perspectives*, 10, 13–23. <https://doi.org/10.15171/hpp.2020.05>
- Mary Fatimah Subet. (2012). Teori relevans dalam personifikasi. Dlm. Fazal Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal & Harishon Radzi (Pnyt.), *Pemantapan dan pembinaan ilmu linguistik berasaskan korpus* (hlm. 207–223). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Masahiko Minami. (2021). Narrative as cultural representation: An analysis of Japanese-language learners' storytelling styles from the perspective of coherence and cohesion. *Narrative Inquiry*, 31(1), 214–235. <https://doi.org/10.1075/ni.20063.min>
- Md. Sidin Ahmad Ishak, & Mohd. Saleh Rahamad. (1996). *Strategi bahasa: Panduan nahu dan retorik untuk penulisan*. Penerbit Universiti Malaya.
- Mills, C. (2021). Review of the book a rhetoric of character in children's and young adult literature. *Children's Literature Association Quarterly*, 46(4), 433–435. <https://doi.org/10.1353/chq.2021.0048>
- Muhammad Nur Akmal Rosli. (2022). *Analisis pemikiran dalam retorik penulisan Hikayat Hang Tuah* [Tesis kedoktoran, Universiti Putra Malaysia]. Universiti Putra Malaysia Institutional Repository. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/99571/1/FBMK%202022%209%20IR.pdf>
- Muharam Awang, & Zubir Idris. (2023). Analisis kritis gaya bahasa perbandingan puisi Usman Awang. *AKADEMIKA*, 93(1), 205–218. <https://ejournal.ukm.my/akademika/issue/view/1583>
- Nor Hani Suhaimi, & Mohamad Nik Mat Pelet. (2024). Kesantunan bahasa dalam novel KOMSAS *Silir Daksina*. *PENDETA*, 15(1), 16–26. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.2.2024>
- Noriha Basir. (2010). Kefungsian gaya bahasa pengulangan dalam novel *Al-Abrar*: Satu analisis wacana. *Kemanusiaan*, 17(2010), 91–110. https://ejournal.usm.my/kajh/article/view/kajh_vol17-2010_5
- Nurul Fazlina Md. Rodi, & Mariyati Mohd Nor. (2024). Analisis kelemahan penggunaan retorik penerangan dalam karangan murid sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Pengajaran Teknikal dan Vokasional (JRPPTE)*, 17(1), 20–28. <https://doi.org/10.37134/jrppte.vol14.1.8.2024>

- Nurul Nadiah Zamri, & Zulkefli Aini. (2021). Retorik dalam dakwah Nik Abdul Aziz Nik Mat. *Jurnal Pengajian Islam*, 14 (Edisi Khas), 149–158. <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/63>
- Nuur Hikma Natasha Lamsah, Anida Sarudin, & Mohd Sufian Ismail. (2023). Analisis gaya bahasa figuratif dalam novel “*Bimasakti Menari*” teks komponen kesusasteraan Bahasa Melayu tingkatan lima. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(1), 22–27. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.1.3.2023>
- Phelan, J. (2024). Rhetorical narrative theory and the act of telling. *Poetics Today*, 45(1), 17–43. <https://read.dukeupress.edu/poetics-today/article-abstract/45/1/17/385405/Rhetorical-Narrative-Theory-and-the-Act-of-Telling?redirectedFrom=fulltext>
- Raminah Sabran. (2002). *Retorik pendedahan dan penghujahan. Pelita Bahasa*, 14(11), 42–43.
- Rejab F. I. (2007). *Sejambak bakti*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohaidah Kamaruddin, Muhammad Nur Akmal Rosli, Muhammad Nur Iqbal Mohd Samsudin, Michelle Rodrigues, & Wan Noor Aini Wan Ahmad. (2023). Rhetoric in the *Sinar Harian's* newspaper. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(5), 2756–2768. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v13-i5/17447>
- Rusydiah Abd Salam, Hani Munirah Mohd Subehi, & Nasrun Alias. (2024). Jenis-jenis ayat dalam novel *Sejambak Bakti: Satu analisis teori ubah alfa*. *Jurnal Melayu*, 23(2). <http://journalarticle.ukm.my/25828/1/JMK%201.pdf>.
- Saputra, E. (2024). Rhetorical strategies in political communication: A discourse analysis. *Lingue: Bahasa, Budaya dan Sastra*, 6(2), 1–12. <https://doi.org/10.30651/Lng.V6i2>
- Simpson, P. (2004). *Stylistics: A resource book for students*. Routledge.
- Siti Khariah Mohd Zubir, & Nur Denna Samsudin. (2016). Analisis watak dan perwatakan dalam novel *Sejambak Bakti* karya Rejab FI. *Proceeding of ICECRS 1*, (hlm.73–80). <https://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.578>
- Sobariah Baharum. (2008). *Retorik dalam novel-novel Abdullah Hussain* [Tesis kedoktoran, Universiti Putra Malaysia]. Universiti Putra Malaysia Institutional Repository. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/4799/>
- Stefan Meier. (2022). Digital storytelling: A didactic approach to multimodal coherence. *Frontiers in Communication*, 7, 1–10. <https://doi.org/10.3389/fcomm.2022.906268>.
- Sumaira Qanwal, Shahzad Karim, & Naushaba Haq. (2021). A stylistic discourse analysis of Paulo Coelho's narrative techniques in the alchemist. *Journal of Language and Literary Studies*, 3(2), 45–57. <https://doi.org/10.32996/ijllt.2022.5.3.7>
- Toulmin, S. T. (1958). *The uses of argument*. Cambridge University Press.
- Van Eemeren, F. H., & Van Haaften, T. (2023). The making of argumentation theory: A pragma dialectical view. *Argumentation*, 37(3), 341–376. <https://doi.org/10.1007/s10503-023-09618-5>

- Wang Zhaohan. (2024). Multi-discourse modes in student writing: Effects on rhetorical purpose. *Applied Linguistics*, 45(1), 20–38. <http://doi.org/10.1093/applin/amac073>
- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zeldes, A., Aoyama, T., Liu, Y., Peng, S., Das, D., & Gessler, L. (2024). eRST: A signaled graph theory of discourse relations and organization. *ArXiv*, 50(3), 1–47. <https://doi.org/10.48550/arxiv.2403.13560>
- Zulaikha Khairuddin, Noor Hanim Rahmat, Maizura Mohd Noor, & Zurina Khairuddin. (2021). *The use of rhetorical strategies in argumentative essays*. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 29(S3), 263–285. [http://www.pertanika.upm.edu.my/resources/files/Pertanika%20PAPERS/JSSH%20Vol.%2029%20\(S3\)%202021/14%20JSSH\(S\)-1525-2021.pdf](http://www.pertanika.upm.edu.my/resources/files/Pertanika%20PAPERS/JSSH%20Vol.%2029%20(S3)%202021/14%20JSSH(S)-1525-2021.pdf)